



AHLI jawatankuasa masjid Universiti Tun Hussein Onn Malaysia membungkus bubur lambuk untuk diagihkan kepada kakitangan dan pelajar universiti di Batu Pahat, baru-baru ini.

Masjid UTHM agih bubur lambuk

JOHOR BAHRU 16 Ogos - Bagi mengambil keberkatan Ramadan, masjid Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengagihkan bubur lambuk kepada kakitangan dan pelajarnya secara percuma.

Pegawai Hal Ehwal Islam UTHM, Ustaz Baharuddin Yaman berkata, pemberian bubur lambuk percuma sepanjang Ramadan diadakan pada setiap Rabu di masjid UTHM bermula pada pukul 3.30 petang.

Menurutnya, pihak pengurusan masjid yang juga bertindak sebagai ahli jawatankuasa program itu akan memasak kira-kira seribu bungkus bubur lambuk untuk diagih-agihkan kepada warga universiti.

"Program memasak bubur lambuk ini mendapat kerjasama baik daripada setiap kakitangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) UTHM bagi memastikan ia berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

"Aktiviti seperti ini juga dapat

mengeratkan hubungan antara kakitangan universiti dan juga pelajar terutama semasa bergotong-royong menyiapkan dan mengagihkan bubur kepada orang ramai," katanya.

Beliau berkata, amalan memasak dan mengagih bubur lambuk percuma itu telah dimulakan sejak lima tahun lalu dan ia diteruskan sehingga kini berikutan sambutan yang menggalakkan diterima.

Katanya, bukan hanya penuntut tempatan menggemari juadah terbuka itu, malah, pelajar dari luar negara turut beratur untuk mengambil bubur itu ekoran rasanya yang enak dan lazat.

"Permintaan untuk bubur lambuk semakin meningkat dan pengagihan juga bertambah setiap tahun. Jika semasa diperkenalkan dahulu kita hanya memasak tiga kawah, kini bertambah menjadi lima kawah," ujarnya.